

KENYATAAN AKHBAR

STATUS KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL & LATIHAN VOKASIONAL (TEVT) DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) DAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) AMBILAN 2011

1. Sukacita dimaklumkan bahawa status keputusan permohonan kemasukan ke Institusi Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TEVT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi Program Pengajian Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) boleh diperoleh mulai **22 Mei 2011 (Ahad) mulai jam 12.00 tengah hari** melalui saluran hebahan seperti di **Lampiran 1**.
2. Calon dikehendaki menyemak maklumat tawaran dan mencetak surat tawaran **mulai 26hb Mei hingga 31hb Mei 2011** melalui Laman Web Rasmi Institusi Latihan TEVT & ILKA seperti dalam **Lampiran 2**.
3. Semua calon yang berjaya dikehendaki membuat **pengesahan penerimaan tawaran** mulai **26hb Mei 2011** hingga **31hb Mei 2011**. Pengesahan penerimaan tawaran boleh dibuat melalui Laman Web Rasmi Institusi Latihan Kemahiran seperti di **Lampiran 2**.
4. **Tarikh pendaftaran** pelajar baru ke Institusi Latihan ILKA pada **1hb Julai 2011 hingga 15hb Julai 2011**.

5. Tarikh pendaftaran pelajar baru ke Institusi Latihan TEVT pada **3hb Julai 2011**

6. Bagi pemohon yang tidak berjaya ke Institusi Latihan TEVT & ILKA bagi sesi kemasukan Julai 2011 mereka boleh membuat rayuan mulai **22hb Mei hingga 3hb Jun 2011** iaitu dalam tempoh **10 hari bekerja** selepas keputusan rasmi permohonan kemasukan ke Institusi Latihan TEVT & ILKA diumumkan melalui <http://upu.mohe.gov.my>. **Dasar Pemilihan Kes Rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat yang berlaku mengikut kursus dan Institusi Latihan TEVT & ILKA selepas pendaftaran pelajar baru.**

7. Keputusan rayuan akan dimaklumkan pada **minggu ketiga Julai 2011**. Jika tiada sebarang tawaran diterima dari TEVT & ILKA **4 minggu** selepas tarikh pendaftaran ke Institusi Latihan TEVT & ILKA berkaitan, maka rayuan mereka dianggap gagal. Pelajar yang gagal boleh membuat permohonan ke Institusi Latihan TEVT & ILKA bagi sesi kemasukan seterusnya yang akan dikendalikan oleh agensi yang berkenaan dengan merujuk iklan permohonan yang akan disiarkan di Laman Web Rasmi Institusi Latihan TEVT & ILKA seperti di **Lampiran 2**.

8. Kemudahan “*Hotline*” dan “*Helpline*” disediakan untuk membantu menjawab sebarang kemusykilan calon. Calon boleh menghubungi Talian Telefon: **03-88835858 dan 03-88835848** untuk bantuan.

Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar

Jabatan Pengajian Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

21 MEI 2011

LAMPIRAN 1

HEBAHAN STATUS KEPUTUSAN

Bil.	SALURAN HEBAHAN	NO. TELEFON/ LAMAN WEB
1.	Hot Line (10 Talian)	03-8883 5858
2.	Helpline	03-8883 5848
3.	Talian Am	03-8883 5801/5802
4.	Laman Web	http://upu.mohe.gov.my
5.	Sistem Pesanan Ringkas(SMS) (Short Messaging Service) -Untuk Semua Talian Talipon Bimbit	Sila Taip: UPU RESULT [No.KP] dan SMS ke: 15888

LAMPIRAN 2

**URL SURAT TAWARAN BAGI PROGRAM SIJIL DAN DIPLOMA KE
INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL & LATIHAN VOKASIONAL (TEVT)
DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) BAGI PROGRAM
PENGAJIAN LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
DAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)
AMBILAN 2011**

Bil.	TEVT & ILKA	URL
1.	Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Kementerian Pengajian Tinggi	http://www.politeknik.edu.my (22 Mei 2011 (Ahad) mulai jam 12.00 tengah hari)
2.	Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi	http://www.jpkk.edu.my
3.	Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia	http://www.kbs.gov.my
4.	Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Kementerian Sumber Manusia	http://www.jtm.gov.my/online
5.	Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia	http://www.ciaast.gov.my

6.	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia	http://www.natc.gov.my
7.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	http://aplikasi.mara.gov.my/Web InqIKM